

## BORANG KEBENARAN PERLINDUNGAN DATA

MWN myWorld Malaysia Sdn. Bhd., yang beralamat di Menara Maxis, Tingkat 13, Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia mengumpul, menyimpan dan memproses data peribadi Ahli-ahli sebagai sebahagian daripada penyertaan mereka di dalam Program Cashback World untuk mengira Faedah Perbelanjaan mereka, khususnya nama pertama dan nama keluarga , gelaran, jantina, tarikh lahir, alamat e-mel, alamat pos, koordinat alamat (longitud dan latitud), nombor telefon, nombor faks, ID Ahli, butiran akaun bank (pemegang akaun dan bank), nombor kad pengenalan, serta data mengenai tingkah laku perbelanjaan dan pembelian yang dibuat (tarikh pembelian, tempat pembelian, waktu pembelian, jumlah pembelian, mata wang, 'troli perbelanjaan', industri, jenis pembelian (dalam talian, luar talian, dalam Perusahaan Kecil dan Sederhana , dalam akaun utama, yang di buat dengan Cashback Card)). MWN myWorld Malaysia Sdn. Bhd. mungkin juga akan menggunakan mWS myWorld Solutions AG (Grazbachgasse 87-93, 8010 Graz, Austria) sebagai pembekal perkhidmatan, apabila diperlukan, untuk tujuan memproses data yang disebutkan di atas.

Ahli dengan ini memberikan persetujuannya - yang boleh dibatalkan pada bila-bila masa - berkaitan dengan data peribadi mereka yang diproses oleh MWN myWorld Malaysia Sdn. Bhd dan / atau mWS myWorld Solutions AG untuk tujuan menentukan dan menghantarkan maklumat secara peribadi kepada Ahli, dan untuk MWN myWorld Malaysia Sdn. Bhd dan / atau mWS myWorld Solutions AG untuk menghubungi Ahli untuk mempromosikan Program Cashback World dan tawaran dari "Loyalti Merchants" dan kepada pemprosesan tanpa nama berkaitan data peribadi ini untuk kaji selidik statistik MWN myWorld Malaysia Sdn. Bhd.

Di samping itu, Ahli memberikan persetujuannya – yang boleh dibatalkan pada bila-bila masa – terhadap maklumat berikut yang diberikan kepada Pencadang untuk menghubungi Ahli untuk menawarkan maklumat mengenai "Loyalti Merchants" yang baru, peluang perbelanjaan baru, atau tawaran istimewa: ID Ahli, nama pertama dan nama keluarga, alamat e-mel dan nombor telefon.

Ahli boleh membatalkan persetujuannya berkaitan pemprosesan data yang relevan pada bila-bila masa secara bertulis (kepada MWN myWorld Malaysia Sdn Bhd, Menara Maxis, Tingkat 13, Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia) atau melalui e-mel ke service.my@cashbackworld.com pada masa yang akan datang. Hak perlindungan data berkaitan maklumat, perubahan dan pembatalan juga boleh dinyatakan menerusi hubungan diatas.

Data peribadi hanya akan disimpan selagi mana yang perlu dan akan dipadamkan dengan serta-merta selepas ia tidak diperlukan lagi. Ahli boleh memohon maklumat mengenai data peribadi yang dikumpulkan dan disimpan di alamat di atas dan juga boleh memohon agar data peribadi tersebut dipadamkan.

Tertakluk kepada kebenaran daripada ahli terlebih dahulu yang telah di berikan untuk tujuan MWN myWorld Malaysia Sdn. Bhd untuk memindahkan data peribadi ahli kepada penyedia perkhidmatan atau ke tempat-tempat di luar Malaysia, MWN myWorld Malaysia Sdn. Bhd. akan memastikan sebaik yang mungkin, bahawa semua undang-undang dan peraturan perlindungan data yang terpakai akan dipatuhi oleh pihak ketiga.

Dokumen asal ini adalah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.